

Makalah Akademia

LANDSKAP POKOK BUAH-BUAHAN DI HALAMAN RUMAH BUDAYA MASYARAKAT MALAYSIA

Oleh

MURNI ZAINAL &
WAN NUR RUKIAH MOHD ARSHARD

Jabatan Pengajian AlamBina dan
Teknologi, Fakulti Senibina,
Perancangan dan Ukur, Universiti
Teknologi MARA Cawangan Perak,
32610, Seri Iskandar, Perak

wnrukiah@uitm.edu.my

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

Berdasarkan pemerhatian di kawasan perumahan Taman Bandar Universiti Lakeville, Seri Iskandar Perak, rata-rata penghuninya adalah bangsa Melayu dan tanaman bagi mengisi masa lapang mereka serta memenuhi kawasan lapang di hadapan rumah.



Pokok Kelapa Pandan



Pokok Manga



Pokok Nangka

LANDSKAP di halaman adalah satu budaya di Malaysia terutama untuk masyarakat Melayu, dan menurut Profesor Madya Ts Dr Mohd Yazid Mohd Yunos, dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), fungsi tanaman turut ditekankan di halaman rumah seperti tanaman untuk makanan, ubat-ubatan, kosmetik, dekorasi dan teduhan. Perumahan di Malaysia mempunyai kawasan lapang yang disediakan oleh pemaju bagi memenuhi garispanduan majlis berkuasa tempatan (PBT).

Menariknya kawasan lapang perumahan di Malaysia, kebanyakannya dari penghuninya menanam sayur-sayuran, herba, penutup bumi, tanaman hiasan dan pokok buah. Terdapat beberapa faktor yang penting dalam penanaman pokok buah iaitu cuaca, tanah dan persekitaran. Penghuni di taman perumahan amat gemar menanam tanaman hiasan dan pokok buah-buahan, contohnya pokok yang diminati ialah pokok mangga, kelapa pandan, longan, cempedak dan nangka. Saiz pokok buah tersebut sederhana besar dan mudah dijaga kerana faktor penyelenggaraan yang rendah.

CUACA DAN PENANAMAN POKOK BUAH MALAYSIA

Cuaca panas dan hujan yang kerap sepanjang tahun di Malaysia adalah faktor penting dalam penanaman pokok buah-buahan. Kedudukan Malaysia pada garisan khatulistiwa menerima jumlah hujan yang tinggi sehingga 2500mm setahun dengan purata suhu antara 21 ke 32 darjah Celsius yang membolehkan aktiviti penanaman pokok buah dengan baik. Cuaca di Negeri Perak adalah panas dan lembap sepanjang tahun dengan purata suhu 23.7 ke 33.2 darjah Celsius. Kelembapan pula melebihi 82.3% pada kadar 3,218.00mm setahun. Malaysia yang beriklim tropika dengan suhu minimum hampir 30 darjah Celsius ini memang sesuai untuk pertumbuhan pokok buah-buahan seperti mangga, kelapa pandan, longan dan nangka yang memang berasal dari kawasan beriklim tropika.

JENIS-JENIS POKOK BUAH

Terdapat beberapa jenis pokok buah tropika yang sesuai ditanam di taman-taman perumahan di Malaysia seperti, mangga, longan, kelapa pandan dan nangka, yang menjadi kecenderungan untuk ditanam. Penghasilan buah yang berkualiti memerlukan tanah yang yang sesuai serta cuaca yang lembab dan panas agar buah dapat dituai pada setiap kitarannya (musim).

Penanaman pokok buah boleh memberi dua kebaikan; (i) aktiviti bercucuk tanam adalah satu terapi kendiri yang sihat dan (ii) hasil yang diperolehi secara tidak langsung memberi kenikmatan dalam merasai hasil tanaman sendiri.

JENIS-JENIS TANAH, PERSEKITARAN DAN PENANAMAN POKOK BUAH

Jenis tanah yang sedia ada di Seri Iskandar ialah tanah liat, pasir dan kelodak. Jika dilihat dari sudut geografinya, kawasan ini berada di kawasan yang agak rendah dimana ianya berada pada kadar purata 32 meter dari paras laut. Di Seri Iskandar juga, terdapat anak sungai berdekatan. Jika dilihat di kawasan sekeliling, Seri Iskandar dikelilingi oleh beberapa buah kampung tradisi seperti Kampung Bota dan Titi Gantung yang mempunyai kawasan sawah padi, dusun buah-buahan, ladang mangga, ladang getah, ladang kelapa sawit dan juga kawasan hutan. Suasana yang kaya dengan kehijauan dan udara yang segar amatlah sinonim di kawasan Perak Tengah ini. Maka tidak hairanlah tanaman buah-buahan terutamanya mangga amat mudah didapati di Seri Iskandar.

Jadual 1. Jenis tanaman dan ringkasan maklumat berkaitan

Jenis Pokok/ Palma (Nama saintifik, Nama biasa)	Tinggi Keseluruhan Tanaman (Meter)	Kelebaran Tanaman (Diameter)	Kegunaan	Kadar Pertumbuhan	Kadar Penyelenggaraan Tanaman
<i>Mangifera indica</i> , Mangga	9-20	6-8	Buah & pucuk untuk dimakan	Sederhana	Rendah
<i>Dimocarpus longan</i> Lour, Longan	9-10	5-6	Buah untuk dimakan	Cepat, menghasilkan buah dalam 3 tahun	Rendah
<i>Atocarpus heterophylls</i> Lam, Nangka	6	5-6	Buah untuk dimakan	Cepat	Rendah
<i>Cocos nucifera</i> , Kelapa pandan	6-10	5-6	Buah untuk dimakan, batang, daun dan lidi untuk kegunaan lain	Sederhana	Rendah

Rujukan

- <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/04/04/musim-panas-jejas-tanaman>
- <https://www.kosmo.com.my/2022/02/09/faktor-cuaca-tentukan-sumber-makanan/>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Geografi_Perak
- <http://animhosnan.blogspot.com/2013/02/suhu-dan-buah-tropika.html>
- <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2021/07/734081/berkebun-sambil-terapi>
- <https://www.nparks.gov.sg/florafaunaweb/flora>
- <https://cyberleninka.org/article>
- <https://en-gb.topographic-map.com/maps/jsl/Seri-Iskandar/>